

04 NOV 2000

PENYAIR AFRIKA SELATAN DEKLAMASI PUISI DALAM BAHASA MALAYSIA

LANGKAWI 4 Nov (Bernama) -- Penyair Afrika Selatan telah mempesonakan penonton dengan mendeklamasi puisi dalam Bahasa Malaysia pada majlis pembacaan puisi sempena Hari Puisi Nasional ke XV di Dataran Lang di sini malam tadi.

Ismail Petersen 76, dari Cape Town mendeklamasi puisi berjudul "Ingatan Afrika dan Asia" hasil karya beliau sendiri. Beliau merupakan seorang daripada empat penyair negara itu yang menyertai majlis itu.

"Saya gembira kerana diberi peluang mendeklamasi puisi dan dapat menyampaikannya dalam Bahasa Malaysia", katanya selepas mendeklamasi puisi itu.

Hari Puisi Nasional Ke-XV akan dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini malam ini.

Seramai 250 sasterawan dan penyair terkenal dari Afrika Selatan, Britain, Indonesia, Brunei, Thailand dan Malaysia menghadiri Hari Puisi itu.

Hari Puisi itu dianjurkan oleh kerajaan negeri dan dikelolakan oleh Majlis Kebudayaan Kedah, Angkatan Sasterawan Nasional Kedah, Gabungan Persatuan Penulis Nasional (Gapena) dengan kerjasama Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) serta Lembaga Pembangunan Langkawi (Lada).

-- BERNAMA

ZI RHM